

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL SUKAN UNTUK SEMUA**  
**(KESUMA) KALI KE-2**  
**DI STADIUM PUTRA, BUKIT JALIL KUALA LUMPUR**  
**4 SEPTEMBER 1999**

-----

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Pengelola Karnival Sukan Untuk Semua atau KESUMA khususnya Kementerian Belia Dan Sukan yang telah berjaya menganjurkan karnival sukan ini buat kali keduanya.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu- alukan kehadiran semua kontijen negeri dan peserta dari Lembah Klang yang akan mengambil bahagian di dalam acara-acara yang dipertandingkan di sepanjang tempoh berlangsungnya KESUMA kedua ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Saya difahamkan KESUMA kali ini mendapat sambutan yang amat baik sekali dengan adanya penglibatan yang menyeluruh dari segenap lapisan masyarakat. Ini adalah satu kejayaan yang diharapkan oleh kerajaan. Ia juga menepati dengan hasrat pihak Perancang Pembangunan Sukan dan Rekreasi Negara yang inginkan pembentukan rakyat yang sihat, berdisiplin dan bersatu padu melalui penyertaan yang lebih luas lagi.

4. Di dalam perancangan pembangunan negara untuk menuju kepada sebuah negara maju pada tahun 2020, kerajaan turut mengambil kira peranan dan sumbangan pembangunan sukan yang juga sama pentingnya dengan pembangunan di dalam sektor- sektor yang lain. Justeru itu, setiap tahun kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar khususnya untuk pembangunan kemudahan-kemudahan sukan di negara ini. Kerajaan menyedari bahawa sukan dan rekreasi memainkan peranan yang penting dalam menyediakan tenaga manusia yang cergas dan cerdas dari segi mental dan fizikal yang menjadi aset penting dalam usaha pembinaan sebuah negara maju. Penyertaan dalam aktiviti sukan juga penting bagi pembangunan keupayaan sosial, pembentukan sikap dan kerja berpasukan.

5. Dalam rangka perancangan pembangunan negara kerajaan telah mengambil kira program dan aktiviti yang akan dilaksanakan untuk memupuk nilai-nilai positif, peningkatan tahap kesihatan dan kualiti hidup. Selaras dengan itu adalah disarankan agar kementerian belia dan sukan dan lain-lain agensi yang berkaitan akan terus merangka program-program berbentuk pembinaan insan ke arah melahirkan rakyat yang sedar serta faham akan tanggungjawab sebagai seorang warganegara.

6. Pucuk pimpinan negara ingin membawa negara dan saudara-saudari ke puncak-puncak kejayaan dan pencapaian yang belum pernah dimimpi-mimpikan. Cita- cita pimpinan ini perlu difahami oleh kita semua supaya kita bergerak dalam satu rentak dan nada. Kita mahu menjadi sebuah negara maju. Kita mahu menjadi negara yang makmur, adil, bersatu padu dan harmoni, kita mahu menjadi negara yang dapat melahirkan pereka dan pencipta dan kita mahu mewujudkan sebuah negara Malaysia yang lebih gemilang lagi bermaruah. Tetapi untuk mencapai segala cita-cita tersebut, kita memerlukan rakyat yang sihat, cergas dan cerdas. Kita juga mesti keluar dari kepompong pemikiran yang sempit. Biarlah aspirasi kita itu menjulang

tinggi. Setelah kita pulih dari kegawatan ekonomi ini kita mestilah berusaha pula untuk memantapkan ekonomi kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Dalam suasana ekonomi negara kita kini saya berseru kepada semua pertubuhan-pertubuhan sukan dan rekreasi di seluruh negara memperbanyakkan perancangan aktiviti yang melibatkan penyertaan ramai dan kos penganjurannya yang sederhana. Dalam hubungan ini penumpuan aktiviti wajar sekali menggunakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada dan bercirikan sumber tempatan.

8. Negara kita amat kaya dengan aktiviti sukan dan rekreasi warisan sejak dahulu lagi. Banyak sukan tradisional yang perlu digiatkan kembali dan kebanyakan aktiviti sukan ini amat murah pengajurannya, justeru itu saya menyeru agar kementerian belia dan sukan serta penggerak-penggerak sukan dan rekreasi dapat menghidupkan kembali serta memajukan sukan tradisional ini. Dengan ini dapatlah kita menyemarakkan nilai-nilai dan keunikan sukan ini serta dapat mengekalkan pula warisan budaya kita dari ditenggelamkan oleh arus kebangkitan nilai-nilai moden, terutama dalam alaf baru nanti. Di samping itu juga kita dapat memperbanyakkan aktiviti sukan dan rekreasi untuk generasi muda. Malah saya berkeyakinan sukan dan rekreasi tradisional kita dapat diketengahkan ke peringkat antarabangsa sekiranya usaha promosi yang terancang dan sistematik dilakukan.

9. Adalah diharapkan acara-acara KESUMA kedua ini bukanlah sekadar untuk memenuhi tuntutan program bercorak rekreasi dan kecergasan semata-mata, malah KESUMA ini dapat membangunkan sukan dan rekreasi keseluruhannya. Dan saya juga berkeyakinan bahawa hasrat kerajaan untuk merealisasikan konsep sukan untuk semua melalui KESUMA ini akan tercapai.

10. Dalam konteks pembangunan dan kecemerlangan sukan dan rekreasi di negara ini serta sokongan semua pihak dan dengan semangat 'Malaysia Boleh', rakyat negara ini telah membuktikan kepada dunia dan dunia telah memperakui dan mengintirafkannya bahawa wira-wira negara kita telah berjaya menawan kemuncak Everest, wira-wira negara juga telah berjaya membuat penerjunan di Kutub Utara. Wira-wira negara juga telah berjaya berjalan kaki ke Kutub Utara dan yang terbaru kejayaan yang cemerlang Datuk Azhar Mansor melakukan pelayaran Jalur Gemilang secara solo mengelilingi dunia. Tahniah dan syabas kepada wira-wira negara yang mencatat sejarah negara yang membanggakan kita semua.

11. Akhirnya saya ucapkan selamat bertanding kepada semua peserta dalam semangat kesukanan yang tinggi dan harmoni. Dengan ini dengan lafaz "bismillahirrahmanirahim" saya merasmikan Karnival Sukan Untuk Semua (KESUMA) Kedua ini.

Terima kasih.